


Youth - Juvenile Delinquency
P: 16-18

Memerangi Budaya



Faktor asas yang menjadi pemangkin menularnya gejala ini adalah kegagalan institusi keluarga. Hal ini boleh berlaku dengan ketidakmampuan ibu bapa mengawal anak-anak yang ramai, kewujudan pengaruh ahli keluarga yang turut terlibat dalam gejala yang sama mahupun rasa keterasingan akibat komunikasi yang tidak efektif di rumah.

Oleh LUQMAN HUSAINI

PENULIS pasti setiap pelajar lepasan sekolah berasrama penuh atau sekurang-kurangnya sekolah berasrama akan berasa terhimbau dengan laporan penyingkiran 20 orang pelajar Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR) yang terlibat dalam gejala "High Council". Selang seminggu kemudian, kita dikejutkan pula dengan laporan kejadian pelajar Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) yang dikatakan mengacukan parang kepada warden mereka. Ataupun bolehkah kita membiarkan hari berlalu tanpa memikirkan nasib malang yang menimpa seorang pelajar di Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat setelah dibelasah beramai-ramai sehingga menderitanya akibat kerosakan salah satu buah pinggangnya? Semua insiden ini merupakan rakaman realiti perlakuan buli dan samseng para pelajar kita. Sedih dan meresahkan, tetapi perlu diterima kepalitannya.

Mengapakah gejala buli atau raging ini masih belum berjaya kita lupuskan daripada persekitaran pendidikan kita? Adakah budaya sebegini masih dianggap menyumbang dalam membangunkan minda para pelajar sekolah, atau mampu melahirkan pelajar yang berjiwa kental, tabah mahupun berjiwa besar bagi menghadapi cabaran mendatang? Atau mungkinkah budaya sebegini akan dapat mewujudkan *esprit de corps* atau semangat kekitaan jitu yang berterusan di kalangan para pelajar tersebut? Tanpa sebarang niat menyindir, soalan-soalan ini sengaja saya lontarkan memandangkan wujudnya segelintir pihak yang masih ingin mempertahankan budaya-budaya seperti ini lantas menjustifikasikannya sebagai pengekal tradisi mahupun nilai-nilai sentimental di sesebuah sekolah!

Sekolah Medan Sosial

Sekolah merupakan medan sosial pertama yang perlu dilalui oleh setiap pelajar di Malaysia. Amat malang sekali seandainya di institusi ini mereka sudah mula menyuburkan minda jenayah (*criminal mind*) yang pastinya akan dikembangkan lagi selepas mereka menamatkan pengajian kelak. Kita tidak wajar memandang enteng akan gejala sebegini, kerana para pelajar akan memasuki lapangan sosial yang lebih luas kelak dan akan berinteraksi dengan masyarakat suatu ketika nanti. Gejala yang bersifat antisosial ini akan mempengaruhi perjalanan hidup mereka sekiranya tidak dibendung.

Para pembuli atau samseng jelas sekali akan mempunyai sikap tidak mematuhi undang-undang mahupun menghargai institusi keluarga dan kerukunan hidup bermasyarakat sekiranya mereka tidak diperbetulkan dengan segera kerana psikologi menindas mereka yang lemah sudah sebatu dengan hidup mereka. Mereka berpotensi meneruskan pembawaan

Buli dan Gengsterisme



ini dalam skala yang lebih besar, bentuk jenayah yang lebih serius dan modus operandi yang lebih terancang!

Perlu diingat, proses buli dan raging akan mewujudkan putaran ganas (*vicious cycle*) yang cukup sukar untuk dihentikan. Para pelajar yang suatu ketika dahulu menjadi mangsa akhirnya akan bertukar menjadi pembuli juga apabila mereka menjadi pelajar senior di sekolah. Berpegang pada premis bahawa mereka mempunyai hak mutlak untuk membuli kerana suatu ketika dahulu mereka juga pernah dibuli, akhirnya mereka akan meneruskan tradisi yang nyata tidak bermanfaat ini. Seorang pembuli akan melahirkan seorang pembuli yang lain akhirnya. Ini adalah salah satu punca mengapa gejala ini masih sukar dihapuskan sehingga kini.

Sejarah Kemunculan Gengsterisme

Untuk mengkaji sejarah kewujudan kumpulan-kumpulan sebegini di sekolah amat sukar memandangkan kumpulan ini wujud secara langsung apabila berkembangnya sesebuah komuniti. Maka, sekolah juga tidak terlepas daripada keadaan ini memandangkan sekolah merupakan sebuah institusi sosial.

Penyelidik terawal kegiatan kumpulan samseng di sekolah, F.M. Thrasher (1927) menyatakan bahawa kewujudan kumpulan sebegini adalah hasil perkembangan sesuatu kumpulan sepermainan juvenil yang bertukar kepada perlakuan antisosial melalui proses evolusi. Proses ini bertukar daripada corak persahabatan biasa kepada perlakuan ganas dan menyimpang daripada norma-norma kemasyarakatan.

Charles M. Achilles (1993) di dalam bukunya *Handbook on Gangs in Schools* telah menyenaraikan banyak faktor yang menyebabkan gejala tidak sihat ini berkembang di sekolah. Faktor asas yang menjadi

pemangkin menularnya gejala ini adalah kegagalan institusi keluarga. Hal ini boleh berlaku dengan ketidakmampuan ibu bapa untuk mengawal anak-anak yang ramai, kewujudan pengaruh ahli keluarga yang turut terlibat dalam gejala yang sama mahupun rasa keterasingan akibat komunikasi yang tidak efektif di rumah.

Faktor Pendorong

Bagi pelajar yang terlibat dalam lingkaran negatif ini pula, terdapat empat faktor yang dikenal pasti sebagai pendorong kepada mereka untuk terlibat. Pertama, pembabitan mereka dalam gejala gengsterisme atau kumpulan samseng ini memberikan rasa keterikatan ataupun *a sense of belonging*. Mereka merasakan teman-teman yang turut terlibat sebagai ahli keluarga yang perlu dipertahankan dan disanjung. Lebih malang sekiranya terdapat individu-individu yang menjadi *role model* dalam kumpulan yang sama.

Kedua, sebagaimana yang telah disebutkan pada bahagian awal makalah ini, elemen *Espirit de Corps* ataupun rasa kekitaan yang terbina atas perkongsian nilai dukungan yang sama turut mengumkan pelajar untuk menyertai perkumpulan sebegini. Rasa kekitaan sebegini diterjemahkan dalam moto seperti "Seandainya kita dalam bahaya, aku melindungimu dan engkau melindungiku!". Elemen ini lebih berpengaruh daripada ikatan kekeluargaan kerana semangat kekitaan yang wujud terjalinkan atas perkongsian nilai dan dogma.

Ketiga, para pelajar yang terbabit dalam kumpulan-kumpulan sebegini juga memperoleh rasa hormat dan pengiktirafan daripada teman-teman yang lain, walaupun atas dasar takut dibuli. Kebanyakan pelajar yang menyertai kumpulan samseng atas sebab ini merupakan pelajar yang memiliki rasa rendah diri dan ingin diri mereka dihargai.

Akhirnya, pembabitan mereka dalam kumpulan-kumpulan sebegini juga berlaku kerana wujudnya suatu sistem penampilan diri, isyarat tangan, etika mahupun cara pertuturan tertentu yang dilihat sebagai menarik dan menyebabkan mereka kelihatan lebih hebat daripada pelajar-pelajar lain.

Terpengaruh

Tidak keterlaluan juga jika dinyatakan bahawa dalam kerancakan pembangunan industri filem dewasa ini, para pelajar juga mudah terpengaruh dengan filem-filem yang memaparkan elemen-elemen jenayah terancang (*organized crime*) yang bergerak menerusi gerakan-gerakan ala-mafia, yakuza mahupun kongsi gelap. Contohnya filem trilogi *Godfather*, *The Sopranos*, *187* dan lain-lain lagi. Malah, kini kita dikejutkan juga dengan permainan-permainan video seperti *Grand Theft Auto 3*, *Vice City* mahupun *Getaway* bagi permainan konsol *PlayStation 2* yang membolehkan pemain memainkan watak penjenayah bagi menjalankan misi membunuh, peras ugut dan sebagainya.

Saya tidak bermaksud bahawa kita tidak wajar menonton filem-filem sebegini, tetapi adalah lebih tepat jika kita rumuskan bahawa filem-filem sebegini hanya sesuai ditonton oleh golongan dewasa yang berfikir matang dan mampu menyaring unsur-unsur negatif yang wujud. Para pelajar pula sebaliknya cukup mudah terpengaruh, malah cukup tertarik dengan unsur-unsur seperti ini, terutamanya apabila menyedari mereka akan digeruni dan mampu melakukan apa sahaja kepada pelajar-pelajar lain. Mereka tidak berfikir panjang untuk menjelmakan nilai-nilai negatif sebegini dalam bentuk yang lebih praktikal, sesuai dengan persekitaran mereka.

Keadaan ini perlu diatasi dengan segera seandainya kita ingin melihat generasi yang lahir pada masa hadapan muncul sebagai penerus kegemilangan negara. Sudah tiba masanya untuk kita kembali

membangunkan generasi muda negara kita melalui pendekatan yang berteraskan nilai penghayatan agama, budaya dan tata kehidupan masyarakat Timur. Masyarakat kita bukanlah masyarakat yang mundur, tetapi khazanah ilmu dan seni yang masih tinggal jelas membuktikan bahawa leluhur kita merupakan pembina tamadun yang berbudaya tinggi!

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Dato' Rafie Mahat dalam laporan akhbar bertarikh 30 Ogos 2003 menegaskan bahawa memang terdapat dasar "awak sentuh, awak keluar" bagi mengatasi masalah ini. Ini merupakan suatu iltizam yang menunjukkan ketegasan pihak Kementerian untuk mengekang budaya ini daripada terus menular. Sungguhpun begitu, dasar ini hanya lebih berfungsi dalam menghukum pelajar-pelajar yang terlibat setelah insiden-insiden yang tidak diinginkan berlaku.

Sekolah Kawasan Bebas Buli

Sudah tiba masanya bagi pihak Kementerian Pendidikan untuk mewartakan sekolah sebagai kawasan bebas buli, samseng atau raging bagi menunjukkan kepada pelajar betapa gejala ini sangat serius memandangkan implikasinya dalam membentuk minda penjenayah. Tambahan lagi, pengisytiharan sebegini jika dilakukan secara rasmi akan menyampaikan mesej "we mean business!" kepada para pelajar yang masih tegar lantas menjadi kaedah pencegahan yang mujarab. Sebagai contoh, pada tahun 1997, apabila Menteri Pendidikan mengumumkan bahawa sekolah merupakan zon larangan rokok, kesannya cukup besar kepada para pelajar dan mereka mula merasakan perbuatan merokok itu sebagai suatu perbuatan yang cukup negatif. Sekurang-kurangnya, mereka terpaksa melakukan aktiviti merokok di tempat-tempat tertutup kerana khuatir diketahui oleh teman-teman, apatah lagi pihak sekolah.

Penerapan Nilai-nilai Murni

Pastinya pelajar-pelajar yang masih di bangku persekolahan perlu didedahkan dengan pelbagai bentuk wadah pendidikan yang mampu menerapkan nilai-nilai murni kepada mereka. Penghayatan agama juga sewajarnya diberikan penekanan serius oleh pihak sekolah, bukan sekadar melepaskan batuk di tangga. Untuk menjayakan usaha ini, pihak Kementerian Pendidikan perlu merangka strategi pendidikan baru di samping membina jaringan dengan Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) agar dapat bersama-sama turun padang untuk mengatasi masalah ini. Pendekatan terbaik adalah menerusi program-program kokurikulum yang dapat membantu membangunkan jiwa dan minda pelajar. Sekolah boleh menjadikan aktiviti-aktiviti kokurikulum yang terancang, sistematik dan menarik sebagai senjata untuk mengalih minat pelajar samseng kepada perkara-perkara yang lebih berfaedah.

Laporan Kajian Gengsterisme Di Sekolah Menengah Harian hasil kerjasama Kementerian Pendidikan dengan Kerjasama Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (1999) mencadangkan agar sekolah mencantas jaringan samseng dan buli di sekolah menerusi 3 perkara:

Pertama, memastikan para pelajar tidak melepek dalam waktu persekolahan,

Kedua, menghapuskan proses *recruitment* atau mencari ahli baru dengan memantau individu-individu yang disyaki secara terperinci,

Ketiga, menyediakan sistem kawalan yang berkesan untuk mencegah para samseng atau pembuli daripada menjalankan kegiatan mereka pada waktu sebelum sekolah bermula, semasa tempoh rehat dan selepas tamat persekolahan.

Di samping itu, pihak Polis Di Raja Malaysia juga perlu lebih proaktif dalam memberikan perhatian kepada sekolah-sekolah yang bermasalah. Walaupun kita menghargai langkah polis menempatkan pegawai-pegawainya sebagai pemantau, tetapi adalah lebih wajar seandainya pihak polis mampu untuk menempatkan pegawai-pegawai polis yang



Pendekatan terbaik adalah menerusi program-program kokurikulum yang dapat membantu membangunkan jiwa dan minda pelajar. Sekolah boleh menjadikan aktiviti-aktiviti kokurikulum yang terancang, sistematik dan menarik sebagai senjata untuk mengalih minat pelajar samseng kepada perkara-perkara yang lebih berfaedah.

bertugas sepenuh masa bagi mengekang gejala tidak sihat ini daripada mempunyai tapak untuk bergerak dengan aktif. Hal ini sepatutnya tidak mendatangkan masalah memandangkan hanya sekolah-sekolah yang berisiko tinggi sahaja yang terlibat.

Selain itu, khusus bagi sekolah-sekolah berasrama, para lepasan sesebuah sekolah itu perlu kembali ke sekolah masing-masing dan menerangkan pada generasi pelajar yang baru bahawa budaya sebegini lebih mendatangkan keburukan selain menyuburkan rasa perseteruan di kalangan mereka.

Dalam memudahkan usaha ini, mereka boleh memanfaatkan sepenuhnya persatuan bekas-bekas pelajar (alumni) yang pada kelazimannya wujud bagi mana-mana sekolah berasrama. Pastinya para pelajar terdahulu mempunyai lebih banyak pengalaman berguna yang dapat dikongsi dengan para pelajar generasi baru. Mereka perlu memainkan peranan untuk meningkatkan kematangan dan membuka pemikiran generasi muda yang sememangnya selalu tidak berfikir panjang dalam melakukan sesuatu perkara.

Perangi Budaya Samseng

Kita pastinya tidak mahu generasi muda yang bakal menjadi tonggak kekuatan negara dilemahkan dengan budaya-budaya yang tidak mendatangkan manfaat ini. Oleh itu, kita perlu habis-habisan memerangi budaya samseng dan buli ini menerusi penghayatan agama, penyuburan budaya ilmu dan pembinaan sahsiah di kalangan mereka. Membanteras budaya-budaya sebegini akan menghindarkan negara daripada risiko melahirkan penjenayah-penjenayah yang tidak memiliki rasa ihsan atau timbang rasa terhadap orang lain semata-mata kerana ingin memuaskan nafsu sendiri. Lebih penting, menghapuskan budaya ini juga bererti kita membebaskan institusi pendidikan daripada hambatan yang selama ini menghambat fungsi sebenarnya sebagai taman percambahan ilmu dan penyuburan budi.

Bak peribaldan leluhur yang bijaksana "Melentur buluh biarlah dari rebungnya!" dan "Sayangkan anak, tangan-tangankan". Kita punya akar kekuatan tersendiri, paduan kesyumulan agama dan ketinggian budaya yang sewajarnya digarap sepenuhnya bagi mengatasi krisis sosial ini.